

Headline	713 hamil luar nikah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	L-33	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	Mohd Khidir Zakaria	AdValue	RM 6,475
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,425



713 hamil luar nikah

■ Peningkatan mendadak remaja 10 hingga 19 tahun terlanjur undang kebimbangan

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@mediaprima.com.my

Statistik peningkatan mendadak 713 remaja mengandung luar nikah di Negeri Sembilan tahun lalu menimbulkan kekusaran masyarakat berikutan usia mereka baru menecah 10 hingga 19 tahun.

Lebih membimbangkan, statistik Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan mendapati kecenderungan kadar kelahiran bayi membabitkan ibu tidak berkahwin merekodkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

Statistik ini dibentangkan oleh Penyelaras Panel Penasihat Klinik Kesihatan Negeri Sembilan, Dr Suriyati Abdul Aziz dalam bengkel bertajuk HIV/AIDS di kalangan Remaja anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di sebuah hotel di daerah ini, kelmarin.

"Jumlah remaja yang mengandung luar nikah bagi Januari hingga Disember ta-



DR Suriyati

hun lalu menunjukkan peningkatan mendadak berbanding 2007 iaitu hanya 420 remaja.

"Kebanyakan remaja ini datang ke Klinik Kesihatan di seluruh daerah di negeri ini untuk pemeriksaan awal dan kebiasaannya tidak akan muncul lagi untuk pemeriksaan lanjutan.

"Saya tegaskan, jumlah ini (713) tidak termasuk rekod sekiranya mereka ke klinik swasta dan saya percaya statistik ini bertambah lagi," katanya dalam pem-

bentangan bengkel itu yang dihadiri 56 individu terdiri daripada imam masjid, ketua jabatan kerajaan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Jabatan Panel Penasihat Kesihatan Negeri Sembilan.

Dr Suriyati berkata, berikutan peningkatan mendadak rekod remaja hamil luar nikah, pihaknya kini mencari mekanisme baru untuk menangani masalah berkenaan daripada berlanjutan dan cuba mengurangkan jumlah berkenaan.

"Permasalahan ini salah satunya berpunca dari rumah berikutan kebanyakan ibu bapa tidak dapat memberikan contoh yang baik mungkin disebabkan kesibukan dan tugas seharian.

"Faktor kedua, dunia tanpa sempadan dan penyalahgunaan laman sosial juga menyebabkan remaja mudah terjerumus ke aktiviti tidak bermoral. Justeru, penting bagi ibu bapa membuat pemantauan terhadap anak mereka," katanya.